

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik permohonan serta kelulusan / kegagalan permohonan untuk Bantuan Prihatin Nasional yang dijanjikan kepada mereka yang layak memandangkan terdapat rungutan rakyat kerana gagal mendapat bantuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Prihatin Nasional atau BPN merupakan bantuan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) secara one-off kepada golongan B40 dan M40. Pemberian BPN bagi golongan B40 adalah berdasarkan pangkalan data Bantuan Sara Hidup, manakala BPN bagi golongan M40 pula ianya adalah berdasarkan data perculaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Pemohon BPN tidak perlu mengemukakan sebarang bukti pendapatan. Ini adalah kerana semua permohonan akan disemak berdasarkan data agensi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Pembayaran BPN dibuat secara pengkreditan terus ke akaun bank penerima. Bagi penerima BPN di bawah kategori yang tidak mempunyai akaun bank atau gagal kredit ke akaun yang didaftarkan, pembayaran telah dibuat secara tunai di kaunter Bank Simpanan Nasional mulai 15 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Permohonan baharu kepada yang tidak tersenarai sebagai penerima BPN telah dibuka bermula 1 April 2020 sehingga 30 April 2020 secara dalam talian di Portal Rasmi Bantuan Prihatin Nasional, <https://bpn.hasil.gov.my>. Hasil daripada ini, sebanyak 160,000 permohonan rayuan telah layak untuk menerima BPN.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM11.5 bilion bagi tujuan pembayaran BPN. Sehingga tarikh rayuan permohonan ditutup pada 30 April 2020, seramai 10.76 juta permohonan telah diluluskan, manakala sehingga 24 Julai 2020, sejumlah RM11.14 bilion telah disalurkan kepada 10.6 juta penerima. Pembayaran telah dibuat secara berfasa mulai 6 April 2020.